

SOALAN PERCUBAAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

2 jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian. **Bahagian A** dan **Bahagian B***
2. ***Bahagian A** mengandungi **40** soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan di halaman 12.*
3. ***Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. Jawab **tiga** soalan : **Soalan 1** dan **Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan daripada **Soalan 3** atau **soalan 4**. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam helaian tambahan yang disediakan.*
4. *Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruangan yang disediakan.*
5. *Ceraikan kertas jawapan daripada kertas soalan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak .

Bahagian A
[40 markah]
Jawab semua soalan

Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

- 1 Pilih pernyataan yang betul akibat perbuatan nifak.
 - A Menghilangkan sikap percaya mempercayai
 - B Haram dikebumikan di perkuburan Islam
 - C Hilang pergantungan kepada Allah SWT
 - D Menimbulkan sikap takbur dalam diri

- Menyebabkan masyarakat menjadi tidak tenteram
 - Kehidupan sehari-hari menjadi terganggu
 - Keadaan negara tidak stabil

- 2 Pernyataan di atas merujuk kepada akibat _____.
 - A zina
 - B riba
 - C merompak
 - D mengumpat

- 3 Antara yang berikut yang manakah ciri kesesatan Syiah Batiniah ?
 - A Beriktikad bahawa pelaku dosa besar adalah kafir.
 - B Beriktikad bahawa Imam Muhammad bin Hanafiah masih hidup.
 - C Beriktikad bahawa perbuatan manusia adalah dilakukan oleh manusia
 - D Mengharuskan perkahwinan mutaah iaitu nikah sementara waktu atau nikah kontrak.

- 4 Pilih pernyataan yang benar mengenai syirik khafi.
 - A Merosakkan akidah seseorang
 - B Mengaku Nabi Isa anak tuhan
 - C Menyembah patung dan berhala
 - D Menunjuk-nunjuk kehebatan diri

- 5 Ciri-ciri berikut berkaitan dengan prinsip Ahli Sunnah Waljamaah **kecuali**
 - A Berpegang dengan prinsip as-Salaf as- Soleh
 - B Berpegang teguh dengan al-Quran dan as-Sunnah
 - C Beriktikad bahawa pelaku dosa besar adalah kafir
 - D Mereka tidak menghukum kecuali terdapat bukti yang sahih

- Dapat menumpukan perhatian
- Hanya memikirkan keagungan dan kebesaran Allah SWT

- 6 Pernyataan di atas merujuk kepada hikmah _____.
 A Sai
 B Tawaf
 C Wukuf
 D Niat ihram
- 7 Pilih pernyataan yang betul mengenai Haji Tamattuk.
 A Mengerjakan ibadah haji dan umrah secara serentak.
 B Mengerjakan umrah terlebih dahulu pada bulan haji diikuti dengan mengerjakan haji.
 C Mengerjakan haji terlebih dahulu pada bulan haji dan diikuti dengan mengerjakan umrah.
 D Mengerjakan haji dan umrah secara berasingan, samada umrah sebelum masuk bulan haji atau haji dahulu kemudian umrah.

Mereka berhak mengahwinkan pengantin perempuan yang masih gadis tanpa persetujuannya terlebih dahulu.

- 8 Situasi di atas merujuk kepada wali _____.
 A mujbir
 B hakim
 C nasab
 D akrab
- Dapat membimbing masyarakat untuk hidup bekerjasama.
 - Memimpin masyarakat supaya sentiasa bersifat amanah dan jujur.

- 9 Pernyataan di atas merujuk kepada _____ syarikat.
 A kesan
 B rukun
 C hikmah
 D syarat sah

Talak yang bersesuaian dengan peraturan syarak iaitu suami menceraikan isterinya dengan talak satu atau dua ketika suci daripada haid.

- 10 Antara yang berikut yang manakah berkaitan dengan pernyataan di atas ?
 A Talak sunni
 B Talak bain
 C Talak bidi
 D Talak raji

11 Antara yang berikut yang manakah perkara-perkara yang dilarang ketika ihram khusus untuk perempuan?

- I Memotong kuku
 - II Menutup muka
 - III Menutup tapak tangan
 - IV Memakai wangi-wangi
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

- Dilahirkan di Sumatera Barat
- Menerbitkan Majalah al- Imam
- Dilantik menjadi mufti di Perak
- Meninggal dunia di Perak

12 Pernyataan di atas merujuk kepada _____.

- A Ibnu Sina
- B Ibnu Khaldun
- C Sheikh Tahir Jalaluddin
- D Sheikh Muhammad Abduh

13 Antara yang berikut yang manakah **bukan** sumbangan Khalifah Harun ar-Rasyid?

- A Menubuhkan Baitul Hikmah
- B Mewujudkan jawatan *Qadi al Qudat*
- C Menjadikan Baghdad sebagai pusat perdagangan
- D Menyediakan biasiswa kepada pelajar-pelajar cemerlang

- Ulamak pertama menyusun kitab Fiqh mengikut bab dan fasal
- Teliti menentukan hukum mengikut martabat hadith
- Antara kitab yang ditulis ialah *al-Fiqh al-Akbar*

14 Pernyataan di atas merujuk kepada sumbangan _____.

- A Imam Malik rahimahullah
- B Imam Ahmad rahimahullah
- C Imam al-Bukhari rahimahullah
- D Imam Abu Hanifah rahimahullah

15 Berikut adalah bentuk-bentuk pasukan yang diwujudkan di bawah *Dewan at-Tasnif* **kecuali**

- A bahagian latihan
- B pasukan sukarelawan
- C pasukan bergaji tetap
- D pasukan pengawal khalifah

16 Kitab al-Musnad karya Imam Ahmad bin Hanbal mengandungi _____ hadith.

- A 30,000
- B 40,000
- C 50,000
- D 60,000

17 Apakah hukum memberi sedekah?

- A Sunat
- B Wajib
- C Harus
- D Sunat Muakkad

- Memberi peringatan bahawa sakit adalah sebahagian daripada ujian Allah SWT.
- Membantu pesakit menjalankan kewajipan kepada Allah SWT.

18 Pernyataan di atas merujuk kepada adab menjaga orang sakit dari aspek _____.

- A emosi
- B rohani
- C fizikal
- D intelek

19 Antara yang berikut yang manakah **bukan** adab menziarahi jenazah?

- A Menunaikan solat jenazah.
- B Mengucapkan takziah kepada keluarga jenazah.
- C Berdoa supaya jenazah mendapat keampunan Allah SWT.
- D Mengurangkan tekanan emosi keluarga jenazah yang kehilangan ahlinya.

20 Hukum mentaati pemimpin yang adil ialah _____.


- A Sunat
- B Harus
- C Wajib
- D Sunat Muakkad

Soalan 21 hingga soalan 30*Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul*


- 21 Orang yang keluar daripada agama Islam dikenali sebagai _____.
- 22 Pengertian _____ ialah kepercayaan karut yang dianggap mempunyai hubungan dengan agama Islam sedangkan pada hakikatnya bertentangan dengan konsep tauhid dan syariat Islam.
- 23 Al-Quran bukan makhluk adalah merupakan pandangan _____.
- 24 Kesesatan ajaran _____ terbukti kerana mendakwa malaikat sebagai pancaindera Allah.

Penyembelihan binatang ternakan yang dilakukan ketika mencukur rambut bayi yang baru dilahirkan sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT.


- 25 Pernyataan di atas merujuk kepada definisi _____.
- 26 Mengambil hak orang lain secara sembunyi yang disimpan di tempat simpanan tanpa izin merujuk kepada perbuatan _____.



- 27 **X** dalam jadual di atas ialah _____.
- 28 Pengertian _____ ialah satu kumpulan berikrar untuk mengumpul dan menggembung usaha serta sumber bagi mengadakan pakatan untuk saling bekerjasama dan tolong menolong apabila ditimpa musibah.



- 29 Y dalam rajah di atas ialah _____.



- 30 Z dalam rajah di atas ialah _____.

Soalan 31 hingga soalan 33

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang betul berkaitan adab berzikir yang disediakan dalam jadual di bawah.

Sebab perlu beradab ketika berzikir	Adab berzikir	Kerugian orang yang tidak berzikir	Hikmah beradab ketika berzikir
-------------------------------------	---------------	------------------------------------	--------------------------------

- 31 Menyebut lafaz zikir dengan betul _____
- 32 Mendidik jiwa agar sentiasa mengingati Allah _____
- 33 Berdisiplin dalam menunaikan ibadah _____

Soalan 34 hingga soalan 37

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul

- 34 Panduan Mubaligh Islam adalah hasil karya HAMKA dalam bidang _____.
- 35 Kemantapan ekonomi kerajaan Umayyah telah mencapai tahap tertinggi pada Zaman Khalifah _____ sehingga dikatakan boleh membiayai negara selama 15 tahun.
- 36 Baghdad telah diisytiharkan sebagai ibu kota oleh Khalifah _____.
- 37 Kitab ar-Risalah merupakan karya _____.

Soalan 38 hingga soalan 40

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah.

wajib	sunat	makruh	haram	Harus
-------	-------	--------	-------	-------

- 38 Hukum menyebut kadar mahar ketika akad nikah ialah _____.
- 39 Suami yang melakukan zihar _____ membayar kifarah.
- 40 Menjual benda yang disimpan bagi tujuan maksiat hukumnya ialah _____.

Bahagian B

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan**Soalan 1, Soalan 2 mesti dijawab dan pilih mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau soalan 4.**

- 1 (a) Sihir merupakan perbuatan yang mesti dijauhi kerana boleh membatalkan keimanan seseorang Muslim.
- (i) Apakah pengertian sihir? [2 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** contoh sihir yang masih diamalkan dalam masyarakat. [2 markah]
 - (iii) Cadangkan langkah untuk mengatasi perbuatan sihir daripada berleluasa dalam masyarakat dan huraikan. [4 markah]
- (b) Zina merupakan perbuatan keji dan dikenakan hukuman yang berat kerana boleh merendahkan maruah diri dan keluarga.
- (i) Nyatakan hukuman bagi penzina muhsan dan ghairu muhsan. [2 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** kepentingan menjauhi perbuatan zina. [4 markah]
- (c) Mazhab Ahli Sunnah WalJamaah adalah kumpulan yang mengikut jejak langkah Rasulullah SAW dan para sahabat.
- (i) Nyatakan pandangan Ahli Sunnah Waljamaah terhadap pelaku dosa besar. [2 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** kesan tidak berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah terhadap kehidupan Muslim. [4 markah]
- 2 (a) (i) Nyatakan **dua** rukun jual beli. [2 markah]
- (ii) Nyatakan contoh lafaz jual beli secara taklik. [2 markah]
 - (iii) Jelaskan **dua** kesan jual beli tidak mengikut syarak terhadap masyarakat. [4 markah]
- (b) Peranan saksi sangat penting dalam sesebuah perkahwinan.
- (i) Nyatakan **dua** syarat saksi . [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** hikmah saksi dalam sesebuah perkahwinan. [4 markah]

- (c) (i) Nyatakan maksud anak angkat. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** hikmah pengambilan anak angkat terhadap institusi kekeluargaan. [4 markah]
- 3 (a) Kerajaan Khulafa' ar-Rasyidin telah membuat beberapa pembaharuan dalam sistem pentadbiran negara.
- (i) Nyatakan **dua** jawatan baru yang diperkenalkan pada zaman tersebut. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kesan positif daripada kepimpinan Khulafa' ar-Rasyidin terhadap umat Islam. [4 markah]
- (b) Sheikh Muhammad Abduh merupakan salah seorang tokoh islah.
- (i) Nyatakan **dua** cara beliau menyampaikan idea islahnya. [2 markah]
- (ii) Terangkan faktor yang menyebabkan beliau melakukan islah dalam sistem pendidikan. [2 markah]
- (c) Rasulullah SAW adalah manusia pilihan dan paling mulia di sisi Allah SWT.
- (i) Nyatakan **dua** adab terhadap Rasulullah SAW. [2 markah]
- Orang yang banyak bersalawat ke atas Nabi Muhammad SAW akan memperolehi syafaatnya di akhirat,
- (ii) Jelaskan **dua** kerugian bagi orang yang tidak melakukan perkara di atas. [4 markah]
- (iii) Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan cara untuk menggalakkan umat Islam mengamalkan perkara tersebut . [4 markah]
- 4 (a) Kebangkitan tamadun Islam pada zaman Abbasiah dibuktikan dengan kemunculan para cendekiawan dan saintis Muslim yang terkemuka.
- (i) Nyatakan **dua** nama khalifah yang banyak menyumbang dalam memajukan bidang sains dan teknologi pada zaman Abbasiah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kesan penemuan sains dan teknologi terhadap umat Islam . [4 markah]

- (b) (i) Nyatakan **dua** sifat peribadi imam Bukhari rahimahullah. [2 markah]
- (ii) Terangkan bukti kegigihan beliau dalam mengumpul hadis. [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan **dua** peringkat jihad. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** cara melahirkan semangat jihad. [4 markah]
- (iii) Semangat jihad semakin pudar di kalangan umat Islam hari ini sehingga menyebabkan mereka semakin lemah dan kurang berdaya saing.
Huraikan hujah anda untuk menyokong atau menolak pernyataan tersebut. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NO. KAD PENGENALAN

					-				-					
--	--	--	--	--	---	--	--	--	---	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

1	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	21	_____
2	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	22	_____
3	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	13	_____
4	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	14	_____
5	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	15	_____
6	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	16	_____
7	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	17	_____
8	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	18	_____
9	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	19	_____
10	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	30	_____
11	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	31	_____
12	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	32	_____
13	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	33	_____
14	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	34	_____
15	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	35	_____
16	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	36	_____
17	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	37	_____
18	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	38	_____
19	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	39	_____
20	<input type="radio"/> A	<input type="radio"/> B	<input type="radio"/> C	<input type="radio"/> D	40	_____

Untuk Kegunaan Pemeriksa

Kod Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah diperolehi
A	1 hingga 40	40	
B	1	20	
	2	20	
	3	20	
	4	20	
Jumlah		100	

